

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

25. Apakah strategi kerajaan untuk mengendalikan kes kecemasan dan bencana selepas Pulau Pinang mengalami banjir yang serius pada November 2017?
- (a) Adakah Skuad Khas Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang diperkasakan dengan ilmu dan latihan?
  - (b) Adakah Skuad Khas akan diperuntukkan elaun bulanan dan insuran serta dibentuk dalam setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN)?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Selepas berlakunya bencana banjir besar yang menimpa negeri Pulau Pinang pada bulan November 2017, pihak Kerajaan Negeri telah merangka dan menyediakan plan kompresensif dan jitu bagi menangani sebarang bencana yang bakal mendatang kelak. Antara strategi yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam mengendalikan sebarang kes-kes kecemasan dan bencana selepas berlakunya kejadian banjir tersebut adalah:

- (i) Peningkatan fungsi dan penyaluran maklumat melalui Sistem *Penang Alert* yang lebih konsisten dan juga melibatkan data- data dari agensi-agensi berkaitan;
- (ii) Melaksanakan latihan amal, bengkel dan taklimat mengenai bencana ke semua peringkat bagi

meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan awam di tahap maksima;

- (iii) *Program Civil Defence Emergency Response Team Community (CDERT-C)* yang diterajui oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) akan diperluaskan ke semua Jawatankuasa dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan kerjasama erat pejabat-pejabat daerah, ketua-ketua komuniti dan agensi-agensi berkaitan;
  - (iv) Penambahan aset-aset seperti Bot Penyelamat ke semua Pasukan BOMBA Sukarela dan MOU antara Kerajaan Negeri dan Syarikat-syarikat yang berkeupayaan dari segi logistik bagi bantuan bencana; dan
  - (x) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah yang diadakan berkala bagi perkongsian maklumat antara agensi dan kesiapsiagaan yang lebih menyeluruh.
- (a) Kakitangan Jabatan Pengurusan Krisis (Skuad Khas) yang terdapat di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan pasukan elit yang dipilih dan dilatih khas bagi menghadapi sebarang bencana dan kejadian alam yang tidak diingini. Selari dengan tujuan penubuhan pasukan elit ini, latihan-latihan yang mantap dan juga kompresensif bersesuaian dengan tugas-tugas anggota tersebut juga telah dilakar dan direncanakan. Antara latihan yang diikuti oleh anggota Pasukan Khas tersebut adalah:
- (i) Latihan Pemahaman Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara
  - (ii) Latihan Pemahaman Pelan Pengurusan Bencana Seberang Perai
  - (iii) Latihan Penggunaan dan Pengendalian Mesin Gergaji Berantai
  - (iv) Latihan Penggunaan dan Pengendalian Lori Multi Purpose Vehicle (MPV)
  - (v) Latihan mengenai tindakan Menyelamat (SAR) serta Latihan Asas *Civil Defence Emergency Responses* dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam dan Jabatan Bomba dan Penyelamat

- (b) Pengurusan Jabatan Pengurusan Krisis (Skwad Khas) di MPSP tidak dibentuk mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN), sebaliknya mengikut daerah iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) sahaja. Oleh sebab demikian, tidak ada sebarang pasukan khas bagi setiap KADUN. Bagi semua Kakitangan Jabatan Pengurusan Krisis (Skwad Khas) di MPSP ini telah dibayar elaun 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*) berjumlah RM 200.00 setiap bulan sejak 2011 dan tiada Insurans yang diberikan kepada kakitangan Jabatan Pengurusan Krisis (Skwad Khas).